

20 OCT 2001

REAKSI-SAP

BELANJAWAN 2002 GALAKKAN PERTUMBUHAN SEKTOR IT, KATA SAP

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Belanjawan 2002 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam jelas untuk menggalakkan penggunaan dan pertumbuhan sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Ianya sejajar dengan usaha berterusan negara bagi menjadi peserta teknologi di peringkat serantau dan global serta sebagai pusat kegiatan teknologi utama di rantau ini, kata pengarah urusan SAP Malaysia Khatijah Shah dalam satu kenyataan hari ini.

Susulan pengumuman pakej rangsangan RM4.3 bilion baru-baru ini di mana RM300 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan makmal komputer dan RM150 juta yang lain bagi melatih semula pekerja-pekerja yang dibuang kerja, beliau berkata Belanjawan 2002 sangat positif bagi ekonomi.

"Peruntukan yang disediakan adalah bukti bahawa kerajaan terus mengukuhkan mesej bahawa pendidikan dan teknologi kekal sebagai faktor utama dalam rancangan Malaysia," katanya.

Khatijah berkata penekanan berterusan bagi memajukan bakat tempatan dan mewujudkan k-ekonomi besar-besaran (ekonomi berasaskan pengetahuan) di sini di Malaysia "akan membantu kita menangani isu-isu kekurangan kemahiran, pengetahuan dan bakat mencipta dengan lebih baik."

Hasilnya, beliau berkata sektor ICT juga akan kurang bergantung kepada pakar asing.

Mengenai pengecualian cukai bagi kad pintar dan kelengkapan berkaitan IT, Khatijah berkata ia akan membantu Malaysia menerima pakai penggunaan perkakasan seumpama itu serta membantu syarikat-syarikat kad pintar tempatan untuk lebih kompetitif dalam mengembangkan operasi mereka ke luar negara.

"Syarikat-syarikat tempatan yang sehingga ini terpaksa membelanjakan jumlah yang besar bagi kelengkapan dan R&D kini boleh memperuntukkan semula dana mereka kepada usaha-usaha sedia ada dan menembusi pasaran asing," katanya.

Khatijah berkata pelepasan cukai bagi pembangunan laman web perniagaan, kos pembangunan dan bagi pendapatan yang diperolehi daripada kegiatan perniagaan luar pesisir yang berasaskan kepada internet sepatutnya membantu perniagaan apabila mereka beralih untuk menerima pakai lebih banyak penyelesaian berasaskan teknologi.

"Ini sepatutnya membantu Malaysia berada di kedudukan lebih baik sebagai pusat kegiatan dagangan dan pembuatan bagi rantau ini apabila kita memasuki AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas Asean) kelak," katanya.

Mengenai perkembangan lain, Khatijah berkata penekanan berterusan untuk melengkapkan jabatan-jabatan kerajaan dengan komputer menerusi peruntukan RM490 juta terbukti suatu yang disambut dengan baik.

"Syarikat-syarikat teknologi akan menerima perniagaan yang sangat diperlukan daripada langkah ini manakala keberkesanan berikutnya jabatan-jabatan tersebut akan memberi sumbangan seterusnya kepada mereka," katanya.

Beliau berkata penekanan berterusan bagi perkomputeran dalam jabatan kerajaan sepatutnya juga menyediakan peluang kerjasama kepada industri ICT dengan perniagaan kerajaan dan perniagaan tempatan --BERNAMA

ER SHY ZK